

21/05/1997

Ketua Menteri Melaka diumumkan minggu ini (HL)

Misiah Taib; Matzidi Dris

KUCHING, Selasa - Nama Ketua Menteri Melaka yang baru bagi mengisi kekosongan berikutan kematian Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, akan diumumkan dalam minggu ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemangku Perdana Menteri berkata, beliau masih memikirkan mengenai nama Ketua Menteri yang baru itu dan memerlukan sedikit masa lagi sebelum mengumumkannya.

"Saya akan umumkan tidak lama lagi, okay... dalam minggu inilah," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) pada akhir lawatan kerja sehari ke Sarawak.

Beliau ditanya mengenai nama pengganti Mohd Zin yang meninggal dunia di Kuala Lumpur minggu lalu selepas diserang angin ahmar.

Ditanya sama ada pengumuman itu akan dibuat di Kuala Lumpur atau di Melaka, Anwar sambil berseloroh berkata: "Mungkin di Manila... kerana saya mahu pergi ke Manila sekarang."

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berlepas ke Manila untuk menghadiri mesyuarat agung ke-30 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC).

Antara yang menghantar Anwar berlepas di LTAK ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib; menteri dan timbalan menteri Kabinet, pembesar negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Khamis lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata beliau menyerahkan kepada Anwar untuk melantik Ketua Menteri Melaka yang baru berikutan kematian Mohd Zin.

Menurut Perdana Menteri, disebabkan beliau akan bercuti selama dua bulan, Anwar selaku pemangku mempunyai kuasa penuh untuk membuat pelantikan itu.

Ditanya apakah kriteria bagi pelantikan Ketua Menteri Melaka baru, beliau berkata seseorang itu mestilah pemimpin yang boleh berkhidmat dengan baik.

Menjawab soalan pemberita sama ada calon bagi jawatan itu boleh diisi oleh anggota Exco, anggota Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen, Anwar berkata tidak ada undang-undang yang mengehadkan.

"Sebab itulah Perdana Menteri mencadangkan kalau ada pemberita yang layak... kita buat pilihan raya kecil. Saya perlukan masa... tidak boleh gopoh," katanya sambil berseloroh.

(END)